

CNS1551

U PB 16-05 00172 BA284

bah

Mahathir - Hudud

KERAJAAN TIDAK IKTIRAF UNDANG-UNDANG HUDUD PAS, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 16 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan persekutuan tidak mengiktiraf undang-undang mengenai hudud yang diluluskan kerajaan PAS di Kelantan kerana ia tidak mencerminkan keadilan mengikut undang-undang Islam.

Katanya, pengiktirafan tidak dapat diberikan kerana undang-undang yang digubal oleh PAS itu jelas akan menyebabkan berlakunya ketidakadilan.

"Di dalam Islam disebut tentang betapa pentingnya keadilan dan betapa kezaliman tidak harus ada di dalam pelaksanaan apa juga dalam Islam," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

Oleh itu, katanya, soal pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan bagi membolehkan pelaksanaan undang-undang itu tidak timbul sama-sekali.

Dr Mahathir yang juga Presiden UMNO berkata demikian ketika diminta mengulas laporan akhbar hari ini bahawa Kanun Jenayah Syariah (JI) 1993 (Hudud) yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Kelantan pada 25 Nov lepas telah diperkenankan Sultan Kelantan. -- Lagi.

♥16/05/17-42MST

CNS1626

U GB 16-05 00132 BA290

bah

Mahathir - Hudud 2 (akhir) Kuala Lumpur

Setiausaha Kerajaan Kelantan Datuk Ismail Hassan dilaporkan sebagai berkata semalam rang undang-undang itu telah diperkenankan oleh Sultan Kelantan tetapi tidak diwartakan kerana menunggu keputusan Kerajaan Persekutuan daripada segi perlembagaan.

Dr Mahathir berkata kerajaan tidak mengiktiraf undang-undang itu sehingga kerajaan dapat mengkaji dengan sedalam-dalamnya.

"Jadi kalau dia hendak meluluskannya, itu masalah dia tetapi kita tidak menerimanya sebagai undang-undang Islam," katanya.

Perdana Menteri mengesahkan bahawa Menteri Besar Kelantan Nik Abdul Aziz Nik Mat telah menghantar satu salinan undang-undang itu kepadanya dan juga telah datang berjumpa dengannya.

"Saya telah menerangkan bahawa pihak kita tidak boleh menerima apa yang digubal oleh PAS itu sebagai mencerminkan keadilan mengikut undang-undang Islam," katanya. -- Bernama

AFY JM NMO

♥16/05/18-20MST